



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 16 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI TAMBAH 30 PERATUS KUOTA PENGELUARAN MAKANAN ASAS MENJELANG AIDILFITRI, SH-ONLINE PEMBANGUNAN INDUSTRI JAGUNG BIJIAN TANGANI HARGA DEDAK MAHAL, KOSMO-ONLINE HARGA DUA KOMODITI UTAMA MAKANAN AYAM NENINGKAT SEJAK JANUARI, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	LKIM TAMBAH BAIK SISTEM PEMBAYARAN ELAUN NELAYAN, SH -ONLINE IKAN "KAYANGAN" DIJUAL RM5 SEEKOR, SH-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7.	PENIAGA AYAM DIGESA TIDAK NAIKKAN HARGA AYAM KETIKA MUSIM PERAYAAN, SH-ONLINE ISU BEKALAN, HARGA AYAM AKAN DI BAWA KE NACCOL JUMAAT INI, HM-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI TAMBAH 30 PERATUS KUOTA PENGELUARAN MAKANAN ASAS MENJELANG AIDILFITRI

April 16, 2022 @ 2:55pm



Foto hiasan

PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menambah kuota pengeluaran bekalan makanan asas sebanyak 30 peratus terutama membabitkan ayam dan daging pada musim perayaan Aidilfitri bulan depan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata pihaknya telah diberi jaminan oleh sektor industri terbabit bahawa bekalan makanan asas pada musim itu mencukupi.

"Rakyat tidak perlu gusar dengan bekalan makanan asas kerana kerajaan sentiasa memantau dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Jualan Keluarga Malaysia Parlimen Pasir Puteh di sini hari ini.

Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata semua pihak perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam memastikan keperluan asas tersebut tidak disorok atau diseludup oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita mahu pemborong dan peruncit tidak menyorokkan keperluan bekalan asas ini atau mengurangkan jualan mereka serta menyeludup ke sempadan negara jiran untuk mendapat keuntungan lebih.

"Jika didapati ada dalam kalangan mereka terlibat melakukan kesalahan ini, tindakan tegas akan diambil tanpa mengira status," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus mengadakan sesi libat urus dengan MAFI bagi memastikan isu kenaikan harga ayam tidak berlarutan sehingga menjelang hari raya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	KOSMO	ONLINE	

PEMBANGUNAN INDUSTRI JAGUNG BIJIAN TANGANI HARGA DEDAK MAHAL

Oleh AMREE AHMAD



PUTRAJAYA – Kerajaan dijangka memperkenalkan pelan tindakan Pembangunan Industri Jagung Bijian bagi tempoh jangka panjang dalam usaha menangani harga dedak yang mahal.

Ia antara inisiatif dirangka dua kementerian bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan yang sekali gus mampu menjamin harga ayam kekal rendah.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi kenyataan hari ini berkata, langkah itu dijangka dapat menurunkan sehingga 30 peratus kos bagi bahan import makanan ternakan

“Pada ketika ini beberapa sesi libat urus dengan pelbagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) telah dan sedang jaguagiat dilaksanakan,” katanya.

Semalam, kementerian itu mengadakan sesi mesyuarat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini bagi membincangkan isu kos ayam dan telur.

Mesyuarat itu juga bagi memastikan industri ternakan ayam kekal mampan selain sekuriti makanan terjamin dan rakyat mendapat akses bagi sumber protein dengan harga berpatutan.

Sebanyak tiga kertas dibentangkan dua kementerian itu yang meliputi aspek kenaikan kos pengeluaran di ladang, peningkatan harga jagung dan senario pematuhan harga maksimum.

Mengulas lanjut, kenyataan kementerian itu berkata, firma swasta besar juga akan dilibatkan bagi mendapatkan input dan menjalinkan kerjasama melalui pendekatan berskala yang besar.

“Ia bakal membabitkan usaha pembangunan industri jagung bijian negara dengan tindakan proaktif yang memastikan industri ternakan ayam tidak terjejas dan bekalan stabil,” tambahnya.

Kementerian juga mengambil maklum harga dedak meningkat lebih 10 peratus sejak Januari lalu yang meliputi dua komoditi utama bagi makanan ayam ternakan iaitu jagung dan soya.

Semua perkara dan cadangan intervensi tambahan yang dibincangkan serta dikenal pasti akan dibawa kepada Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dalam masa yang terdekat. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

HARGA DUA KOMODITI UTAMA MAKANAN AYAM MENINGKAT SEJAK JANUARI

16 Apr 2022



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

KUALA LUMPUR - Dua komoditi utama yang merupakan makanan utama ayam iaitu jagung bijian dan makanan berasaskan kacang soya masing-masing meningkat sebanyak 13 dan 11 peratus sejak Januari lepas.

Peningkatan harga makanan utama ayam itu antara faktor menyebabkan kenaikan harga kos pengeluaran ayam di ladang secara berterusan sehingga harga ayam di negara ini kembali meningkat.

Perkara itu antara dibincangkan pada mesyuarat berkenaan isu kenaikan kos pengeluaran ayam dan telur oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), semalam (Jumaat).

Mesyuarat yang diadakan secara hibrid itu dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khandee, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Tan Sri Noh Omar, pegawai kanan serta pengurusan tertinggi MAFI, KPDNHEP, MEDAC, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Agrobank dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan MAFI pada Sabtu, sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan oleh MAFI dan KPDNHEP pada mesyuarat itu antaranya berkenaan kenaikan kos pengeluaran ayam di ladang, peningkatan harga jagung dan senario pematuhan harga maksimum ayam serta telur ayam.

Kenyataan itu memaklumkan, kerajaan melalui MAFI sedang giat melaksanakan pemberian subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur melibatkan RM528.52 juta bagi tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Usaha itu bagi meringankan beban 2,255 orang penternak seluruh negara, susulan peningkatan kos terutama kos makanan yang meliputi 70 peratus daripada kos pengeluaran selain kos logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan.

Menurut kenyataan itu, MAFI akan terus mempercepat pemberian subsidi sedia ada supaya penternak mendapat manfaat segera sekali gus mengelakkan tekanan dalam industri penternakan serta memastikan rakyat dapat membeli ayam dan telur dengan harga berpatutan.

Mesyuarat juga mengambil maklum walaupun pemberian subsidi mula dinikmati oleh penternak, kos pengeluaran terus meningkat.

Perkara-perkara serta cadangan intervensi tambahan yang dibincangkan dan dikenal pasti dalam mesyuarat ini akan di bawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang akan dipengerusikan Perdana Menteri dalam masa terdekat," menurut kenyataan itu.

Tindakan proaktif akan terus dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan harga kekal berpatutan, namun dalam masa sama industri penternakan ayam tidak terjejas sekali gus dapat memastikan bekalan kekal stabil. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

LKIM TAMBAH BAIK SISTEM PEMBAYARAN ELAUN NELAYAN

16 APR 2022

Syed Abu Hussin Hafiz

NOOR AINON MOHAMED



BUKIT GANTANG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang menambah baik sistem berhubung pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) termasuk kepada nelayan yang sudah meninggal dunia.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, integrasi sistem bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan dilakukan secepat mungkin bagi membaiki kelemahan sistem yang sedia ada.

Kita sudah proses untuk integrasikan sistem dan menilai balik apa yang berlaku. Itu langkah terakhir untuk kita kendali lompang apabila berlaku kematian tetapi tiada laporan dalam sistem.

Jadi, ini pilihan yang kita ada untuk integrasi sistem pendaftaran dengan sistem pembayaran elaun sara hidup yang dikendalikan LKIM secepat mungkin, katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir lelongan ikan segar pada program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Al-Ahmadi Changkat Ibol, Changkat Jering di sini pada Sabtu.

Media melaporkan LKIM mengaku masih ada nelayan sudah meninggal dunia dibayar ESHN berikutan tiada pautan data secara langsung dengan sistem JPN untuk rekod kematian.

LKIM masih menggunakan kaedah manual bagi merekodkan kematian penerima dan sikap waris tidak memaklumkan kes kematian menjadi punca elaun berkenaan dibayar setiap bulan melalui akaun bank.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 pada Mac turut meminta LKIM menambah baik prosedur operasi standard (SOP) berkaitan bayaran ESHN dan Insentif Pendaratan Ikan dengan memperhalusi elemen semakan kelayakan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan.

Dalam perkembangan lain, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, bekalan serta harga ikan di pasaran negara dijangka stabil bulan depan ekoran berakhirnya musim tengkujuh.

Setakat Mei ini, kapal-kapal sudah ke laut dalam dan pekerja-pekerja asing mula masuk nanti.

Maka, bekalan ikan kembali stabil seperti mana sebelum ini tambahan musim tengkujuh sudah berakhir. Bulan depan akan lebih stabil, katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

IKAN 'KAYANGAN' DIJUAL RM5 SEEKOR

16 Apr 2022

NOOR AINON MOHAMED



Pengunjung program Jualan Keluarga Malaysia teruja mendapatkan ikan kayangan yang dijual murah di Changkat Ibol, Changkat Jering pada Sabtu.

BUKIT GANTANG - Penduduk teruja apabila ikan 'kayangan' seperti siakap, bawal emas dan nyok-nyok dijual serendah RM5 seekor pada program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Al-Ahmadi Changkat Ibol, Changkat Jering di sini pada Sabtu.

Penduduk, Hasnah Hashim, 56, berkata, dia terkejut apabila ikan-ikan 'mahal' yang disediakan dijual lebih 50 peratus murah berbanding harga di pasaran.

Harga yang dilelong ini amat murah. Terkejut juga apabila ikan siakap ini dijual RM5 seekor manakala nyok-nyok RM10. Ikan kembung pula RM3 sekilogram (kg).

Walaupun terpaksa berebut dapat juga beli ikan mahal untuk dijadikan bekalan minggu ini. Kami dapat menikmati juadah ikan untuk berbuka puasa nanti, katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, inisiatif yang disediakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu diharap dapat diteruskan di setiap kawasan terutama di kampung-kampung.

Bagi Mohd Aini Mohd Lofti, 36, dia memandu lebih 30 kilometer dari Parit Buntar untuk membeli barangan keperluan asas selepas mengetahui program jualan itu minggu lalu.

Saya selalu beli barangan di Jualan Keluarga Malaysia kerana harganya yang murah tetapi tidak sangka hari ini ada lelongan ikan pula.

Jika beli di pasar, ikan-ikan ini dijual antara RM20 hingga RM30 setiap kg tetapi kali ini serendah RM5 seekor. Memang berbaloi saya datang kali ini, katanya.

Pada program itu, LKIM turut menyediakan sebanyak 300kg ikan sejuk beku untuk diagihkan secara percuma kepada pengunjung.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan dengan anggaran 100,000kg ikan disediakan di seluruh negara.

Kita ada bajet RM1 juta untuk bantuan ikan percuma dan ia dilaksanakan secara berperingkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

Program ini dilaksanakan di semua kawasan Parlimen yang ada penglibatan LKIM untuk bantu semua lapisan masyarakat terutama pada era pemulihan ini, katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

PENIAGA AYAM DIGESA TIDAK NAIKKAN HARGA AYAM KETIKA MUSIM PERAYAAN

15 Apr 2022

ENGGU SHARIFUL AZNI



Peniaga ayam di Selangor digesa untuk tidak menaikkan harga ayam secara berlebihan menjelang musim perayaan. (Gambar kecil) Mohd Zawawi.

SHAH ALAM - Peniaga ayam di Selangor digesa untuk tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga ayam secara berlebihan menjelang musim perayaan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, peningkatan harga ayam di musim perayaan akan memberi tekanan kepada golongan kurang berkemampuan, khususnya mereka yang mempunyai keluarga besar.

Menurutnya, kerajaan Selangor sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor untuk mengawal kenaikan harga barang mentah tersebut.

Pihak kami sentiasa berhubung dengan KPDNHEP berkenaan harga barang yang kadangkala meningkat naik atau stabil terutamanya ketika musim perayaan.

Semua pihak boleh dapat untung tapi jangan ambil kesempatan berlebihan di waktu musim perayaan kerana kita faham ramai orang kehilangan pekerjaan dan kurang pendapatan.

Jadi bila harga barangan asas meningkat, pastinya ia memberi tekanan lebih kepada setiap isi rumah terutamanya mereka yang mempunyai keluarga besar, katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas Sesi Dialog Aspirasi Pembangunan Industri Halal Selangor Bersama Pemain Industri Kecil dan Sederhana (SME) dan Iftar Ramadan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) di sini pada Jumaat.

Baru-baru ini, KPDNHEP mengumumkan akan terus mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan isu kenaikan harga ayam tidak berlarutan sehingga menjelang hari raya.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, beliau terkejut dengan perkembangan terkini apabila beberapa negeri dilaporkan masih mengalami kekurangan bekalan ayam dan telur, sedangkan MAFI memberi jaminan bekalan terbabit tidak akan terjejas sepanjang Ramadan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

ISU BEKALAN, HARGA AYAM DIBAWA KE NACCOL JUMAAT INI



ROSOL (depan, kanan) melihat ayam yang dijual pada PJKM. FOTO Nazdy Harun

Kuala Berang: Mesyuarat khas mengenai isu bekalan dan harga ayam antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) semalam berlangsung positif dan menghasilkan beberapa cadangan penyelesaian.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, hasil perbincangan dalam mesyuarat yang turut disertai Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi itu akan dibawa ke Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Jumaat depan.

"Insya-Allah, hasil perbincangan dalam mesyuarat semalam akan dibawa ke Mesyuarat Khas NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Sebarang keputusan untuk menangani isu harga dan bekalan ayam ini dijangka akan diputuskan dalam mesyuarat berkenaan," katanya pada sidang media selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di sebuah pasar raya, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia.

Menurut Rosol, perbincangan yang dilakukan turut menyentuh isu kekurangan tenaga kerja asing yang mengakibatkan pengeluaran ayam dan telur di peringkat ladang terjejas.

Katanya, perbincangan juga menjurus kepada pengeluaran ayam yang ditenak oleh koperasi sebagai salah satu sumber bekalan, namun bergantung kepada hasil mesyuarat yang akan diadakan.

Dalam pada itu, Rosol berkata, bekalan ayam dan telur dijangka mencukupi bagi permintaan sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi